

Headline	Gurauan bapa jadi nyata		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	16	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	340 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOOR'AINON MOHAMED YUSOF	AdValue	RM 1,870
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,610



# Gurauan bapa jadi nyata

**NOOR'AINON MOHAMED YUSOF**

**IPOH** – “Tidak sangka gurauan bapa untuk tinggal di sana (Makkah) akhirnya menjadi kenyataan,” demikian kata Hasrulnizam Hashim, 32, anak kedua kepada jemaah haji kedua negara yang meninggal dunia di Makkah, Hashim Abdul Latiff, 60.

Hasrulnizam berkata, bapanya yang bekerja sebagai ejen insurans berasa terlalu gembira apabila berjaya terpilih menunaikan rukun Islam itu buat kali pertama bersama emaknya, Rosnamsiati Mohd Daham, 59.

“Jika kami berkumpul adik beradik, bapa sering bergurau cakap hendak duduk di Makkah lama dan tidak mahu pulang ke Malaysia. Malah, dia hendak jalankan perniagaan insurans di sana. Bapa juga sering meminta kami doakan supaya dia jadi imam di masjid sana.

“Walaupun kami sekeluarga masih bersedih, kami adik beradik gembira apabila emak beritahu ayah pergi dalam keadaan senyum manakala emak pula tabah untuk terus menunaikan haji,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Rapat Jaya di sini, semalam.

Menurutnya, bapanya tidak mempunyai rekod sakit jantung setelah melakukan pemeriksaan kesihatan sebelum pergi menunaikan haji bersama jemaah lain pada 10 September lalu.

“Namun ALLAH lebih menyangi dan kami bersyukur apabila arwah bapa sempat melakukan umrah. Kami gembira apabila pihak Tabung Haji menguruskan untuk tunaikan haji bagi pihak bapa dan menguruskan segala keperluan dan kelengkapan termasuk kaunseling untuk emak ketika di sana,” katanya.

Allahyarham Hashim dilaporkan meninggal dunia akibat masalah jantung semasa menerima rawatan di klinik maktab Rehab Al Janadriyah di Al Bisjarah Mawaddah, Makkah dan selamat dikebumikan di tanah Perkuburan Ma'la selepas Zohor.

Sementara itu, pengerusi Tabung

Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, pihak pengurusan Tabung Haji akan menguruskan hasrat balu Allahyarham untuk segera pulang ke tanah air selepas selesai menunaikan haji.

“Kami di Tabung Haji akan berbincang dan kaji bagaimana untuk selesaikan dan cuba menunaikan hasrat bonda mereka. Bagaimanapun, petugas-petugas akan terus membantu dan menguruskan termasuk bagasi.

“Pada masa sama, semua urusan jemaah haji dilaporkan berjalan lancar dan kita tidak berkompromi terhadap kesihatan semua jemaah dengan mempersiapkan ramai doktor.

“Waris-waris juga tidak perlu khuatir dengan keperluan jemaah berikutan Kerajaan Arab Saudi umumkan Tabung haji merupakan pengurusan terbaik berbanding negara lain,” katanya.

Abdul Azeez telah menyerahkan bantuan khairat kematian sumbangan Tabung Haji berjumlah RM1,500 kepada waris arwah.



Abdul Azeez menyerahkan bantuan khairat kematian sumbangan Tabung Haji kepada Hairulnizam ketika lawatan ke rumah Arwah Hashim, semalam.